



Ruj. Kami : JANM.BPPP.500-6/6/4 (36)
3 / Mei 2019

Ketua Setiausaha Kementerian
Ketua Jabatan Persekutuan
YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Akauntan/ Bendahari Negeri
Ketua Agensi Badan Berkanun
Ketua Agensi Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PELAWAAN MENGHADIRI KURSUS BAYARAN INSENTIF TUGAS
KEWANGAN (BITK) TAHUN 2019**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) bersama Persatuan Pembantu Akauntan Sektor Awam (PERBAKTI) akan menganjurkan Kursus Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK) Tahun 2019. Kursus ini bertujuan untuk memberi persediaan kepada peserta sebelum peperiksaan. Kursus BITK akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh : **9 dan 10 Julai 2019**
(Selasa - Rabu)

Tempat : **Dewan Serbaguna Aras 7,**
Jabatan Akauntan Negara Malaysia,
Putrajaya

3. Sehubungan itu, YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/Tuan/Puan di harap agar dapat memaklumkan kepada semua pegawai gred 19 hingga gred 28 yang layak di Kementerian/ Jabatan/ Agensi untuk menyertai seminar ini. **Yuran kursus yang dikenakan adalah sebanyak RM120.00 seorang sahaja.** Yuran hendaklah dibayar kepada Persatuan Pembantu Akauntan Sektor Awam (PERBAKTI). **105490002241 AFFIN ISLAMIC BANK BERHAD**

4. Permohonan untuk menyertai persidangan ini hendaklah dibuat secara online dengan melayari laman sesawang Jabatan Akauntan Negara Malaysia di www.anm.gov.my. Peserta perlu **mendapatkan kelulusan Ketua Jabatan** terlebih dahulu sebelum mengisi borang permohonan tersebut.

5. Tarikh tutup permohonan adalah pada **2 Julai 2019 (Selasa)**. Aturcara kursus adalah seperti di lampiran A. Sebarang pertanyaan mengenai kursus ini, sila hubungi pegawai berikut:

Encik Mio Asni bin Hj Mio Azlan	- 03-88804504/012-6450240
Encik Mohd Azrizal bin Zawin Anuar	- 03-88861724/019-3204282
Puan Ramsuhaida binti Ramli	- 03-88822721/012-3868895
Puan Nor Azwa binti Adnan	- 03-88847325/011-29467778
Encik Ahmad Hilmi bin Abd Wahab	- 03-88821371/013-3630587

6. Kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/Tuan/Puan amatlah dihargai dan didahului dengan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi”

Saya yang menjalankan amanah,



[JAFRIL BIN JUNIT C.A(M)]
Pengarah
Bahagian Pembangunan Dan Pengurusan

**ATURCARA
KURSUS BAYARAN INSENSIF TUGAS KEWANGAN (BITK) TAHUN 2019**

TARIKH	MASA	PERKARA
9 Julai 2019 (Selasa)	8.30 – 9.00 pg	Sarapan / Pendaftaran peserta
	9.00 – 11.00 pg	Kertas Kerja 1 i) Pengurusan dan Kawalan Belanjawan ii) Perakaunan Amanah
	11.00 pg – 1.00 ptg	Kertas Kerja 2 i) Perakaunan Deposit dan Panjar ii) Pengurusan Aset
	1.00 – 2.30 ptg	REHAT
	2.30 – 4.30 ptg	Kertas Kerja 3 i) Pengurusan Stor ii) Pengurusan Perolehan Kerajaan
	4.30 ptg	Bersurai
	7.00 – 8.30 pg	Sarapan
10 Julai 2019 (Rabu)	8.30 – 10.30 pg	Kertas Kerja 4 i) Pengurusan Pembayaran Emolumen ii) Perakaunan Pembayaran (Elaun & TnT)
	10.30 – 11.00 pg	Minum Pagi
	11.00 – 1.00 ptg	Kertas Kerja 5 i) Perakaunan Terimaan ii) Pengurusan Akaun
	1.00 – 2.30 ptg	REHAT
	2.30 – 4.00 ptg	Latih amal dan tips menjawab soalan
	4.00 – 4.30 ptg	PENUTUP